

BAB 2 : SENARIO MASA HADAPAN

Gambaran risiko rasuah yang mungkin berlaku pada masa hadapan untuk menentukan hala tuju pelaksanaan OACP.

SENARIO ANTIRASUAH PADA MASA HADAPAN

Pelan Antirasuah Nasional 2019-2023 telah meletakkan empat (4) senario utama bagi meramalkan keadaan yang mungkin berlaku di masa hadapan dalam kaitan risiko rasuah dengan tindakan-tindakan yang dilaksanakan oleh sesebuah agensi. Ia meliputi senario kesinambungan, kekangan, perkembangan serta senario merudum.

SENARIO KESINAMBUNGAN (CONTINUATION)

Masa hadapan yang mempamerkan kejayaan yang dikecapi melalui kewujudan NACP tetapi tidak berupaya untuk bertahan atau tidak mapan

SENARIO KEKANGAN (LIMITS AND DISCIPLINED)

Masa hadapan yang merujuk kepada visi yang digariskan dalam NACP tidak dapat dicapai ekoran kekangan dalaman dan persekitaran

SENARIO PERKEMBANGAN (GROWTH)

Masa hadapan di mana hasil kewujudan NACP telah menyebabkan anjakan menuju fasa sebuah negara yang beretika dengan mendokong integriti yang tinggi dan berteraskan nilai

SENARIO MERUDUM (DECLINE AND COLLAPSE)

Rasuah menjadi kelaziman dalam masyarakat sekaligus memperlihatkan sistem sosial runtuh sama sekali tanpa sebarang jalan penyelesaian

SENARIO	PENTADBIRAN SEKTOR AWAM	PEROLEHAN AWAM	TADBIR URUS KORPORAT
S1 Kesinambungan (Continuation)	Penyampaian perkhidmatan awam lebih efisien melalui kemajuan teknologi maklumat. Walaubagaimanapun rasuah masih wujud disebabkan manipulasi teknologi maklumat untuk kepentingan peribadi.	Proses perolehan menggunakan kecanggihan teknologi maklumat dapat mengurangkan penglibatan manusia. Walaubagaimanapun, peranan dari segi penilaian dan pemilihan kontraktor masih boleh dimanipulasi bermula dari perancangan perolehan sehingga projek siap.	Organisasi memberi penekanan terhadap keberhasilan kuantiti penyampaian perkhidmatan awam dan kurang memberi penekanan terhadap kualiti dan elemen integriti dalam pelaksanaan dasar organisasi dan penyampaian perkhidmatan awam.
S2 Kekangan (Limits & Disciplined)	Sistem pentadbiran yang telah ditambah baik berjaya dilaksanakan tetapi terhadap personaliti, ilmu pengetahuan dan kemahiran pegawai serta tahap pembudayaan integriti dan kesedaran antirasuah di kalangan penjawat awam.	Pembangunan teknologi untuk membanteras rasuah dalam perolehan awam tetapi rasuah masih tidak dapat dikawal sepenuhnya.	Penambahbaikan yang dilaksanakan terhadap tadbir urus organisasi tiada kesinambungan apabila terdapatnya pertukaran pegawai baharu. Perubahan dasar dan polisi rasuah dari semasa ke semasa mengganggu pelaksanaan OACP.
S3 Perkembangan (Growth)	Sistem pentadbiran awam melibatkan penyertaan aktif masyarakat, penggunaan teknologi untuk meningkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan serta pengamalan ketelusan dalam membuat keputusan.	Kerangka tadbir urus yang kukuh dan padu yang mengehendak kuasa Menteri, pegawai Kerajaan dan pentadbiran	Penambahbaikan terhadap tadbir urus organisasi menunjukkan kecemerlangan secara berterusan seiring dengan matlamat dan visi OACP.
S4 Merudum (Decline & Collapse)	Karenah birokrasi serta campurtangan politik menjadi sebatik dalam penyampaian Perkhidmatan Awam justeru mempengaruhi pembuatan keputusan. Ini telah mengakibatkan berlakunya ketidakpatuhan, ketiadaan kawalan dalaman serta kegagalan prosedur pentadbiran.	Penyalahgunaan kuasa oleh ahli politik yang memegang kuasa perolehan menjadi semakin berleluasa dan tidak terkawal. Saluran pengaduan menjadi tidak lagi berkesan dan capaian kepada perundingan awam juga tidak wujud. Platform teknologi dimanipulasi oleh pihak dalaman.	Penambahbaikan terhadap tadbir urus tidak dilaksanakan dengan berkesan kerana penjawat awam masih tidak menekankan prinsip integriti dan akauntabiliti serta lebih mengejar anugerah dan pengiktirafan.